

HADITH MENYAPU MUKA SELEPAS SOLAT; SATU KAJIAN ANALISIS SANAD

Musa Bin Mohamad¹, Ahmad bazli Ahmad hilmi², Wan Ahmad Zakry Bin Wan
Kamaruddin³, Abdel Rahaman Ibrahim Suleiman⁴

ABSTRAK

Menyapu muka setelah selesai daripada solat merupakan satu amalan kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat kita di Nusantara setelah berabad dan telah sebatik dalam hidup muslim di sini. Namun demikian, adakah menyapu muka setelah selesai solat adalah amalan yang diambil daripada nas hadith yang sahih? Kajian analisis sanad hadith dijalankan untuk menilai kebersambungan hadith tersebut sehingga kepada Rasulullah s.a.w dan hendaklah dengan susur galur perawi yang thiqah serta dipercayai. Kajian mendapati sanad hadith ini yang dinilai melalui 6 riwayat yang dicatatkan oleh al-Tabrani di dalam al-Ausat dan al-Dua, Ibn Suni dalam `Amal al-Yaum wa al-Lailah, Abu Nu`aim dalam Hulyah dan Akhbar al-Asbahan, dan Ibn Sama`un dalam Amali ibn Sama`un melalui 3 orang perawi iaitu Kathir Ibn Sulim, Muawiyah Ibn Qurrah dan Thabit Ibn Aslam. Ibn Hibban, Ibn Jawzi dan ulama moden al-Albani menilai hadith ini dengan menghukum palsu.

Kata kunci: Nusantara, Analisis, Hadith Palsu

MATAN HADIS

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا قضى صلاته مسح جبهته بيده اليمنى ثم قال : أشهد أن لا إله إلا الله
الرحمن الرحيم اللهم أذهب عني الهم والحزن

Maksudnya:

Adalah baginda Rasulullah s.a.w apabila selesai solat (sembahyang) baginda akan menyapu wajahnya dengan tangan kanan kemudian baginda berkata : Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasihani, Ya Allah jauhkanlah daripadaku kerisauan dan kesedihan


¹ Kolej GENIUS Insan, Unversiti Sains Islam Malaysia. musa86@usim.edu.my

² Kolej GENIUS Insan, Unversiti Sains Islam Malaysia. ahmadbazli@usim.edu.my

³ Kolej GENIUS Insan, Unversiti Sains Islam Malaysia. wanz@usim.edu.my

⁴ Kolej GENIUS Insan, Unversiti Sains Islam Malaysia. abdelrahman@usim.edu.my

Gambar Rajah Sanad Keseluruhan Hadith Menyapu Muka Selepas Solat



TAKHRIJ HADITH

1. Hadis ini Diriwayatkan oleh **al-Tabrani** di dalam *Mu`jam al-Awsot, Bab al-Alif bab man Ismihi Ibrahim*, Jil 3, hlm 66, no 2499 dan di dalam *Bab al-Baul man Ismihi Bakr*, jil 3, hlm 289, no 3178. (dua hadith dengan sanad yang sama, tetapi berbeza lafaz).
2. Juga oleh **al-Tabrani** juga di dalam *Ad-Dua lil al-Tabrani* di dalam bab *minhu*, hlm 109,110, no 658 dan 659. (dua hadith lafaz yang sama tetapi sanad berbeza).
3. Diriwayatkan pula oleh **Ibnu Suni** di dalam *Amal al-Yaum wa al-Lailah*, hlm 101, no 112.
4. Di dikeluarkan juga oleh **Abu Nu`aim al-Asbahani** didalam *Hulyah al-Auliya` wa Tabaqat al-Asbahan*, bab Muawiyah bin Qurah, jil 2, hlm 301, no 2522.
5. Juga oleh Abu Nu`aim al-Asbahani didalam *Akhbar al-Asbahan*, bab Man Ismuhu`Ubaidullah, hlm 365, no 1834.
6. Juga oleh **Ibnu Sama`un** didalam *Amāliy Ibnu Sama`un*, Bab Awal al-Majlis al-Thaman, hlm 159,no 121.

PERBINCANGAN

Dalam kajian ini tidak memfokuskan kajian terhadap matan hadith tersebut, kerana matannya tiada kecacatan cuma berbeza sedikit lafaz dan ada penambahan yang di lihat tidak menyalahi kaedah bahasa Arab. Pengkaji hanya akan membincangkan jalan periwayatan hadith yang sememangnya perlu di nilai dengan teliti sebelum kita menerima hadith tersebut sebagai suatu amalan harian.

Secara umumnya hadith ini diriwayatkan melalui tiga cabang utama selepas Anas bin Malik r.a. iaitu melalui jalan tersebut :

- 1- Kathir bin Sulim.
- 2- Muawiyah bin Qurah.
- 3- Thabit bin Aslam.

Melalui jalan mereka bertiga yang mengambil daripada Anas bin Malik r.a. inilah yang sampai kepada Imam-imam penulis kitab Hadith sebagaimana berikut :-

1- **al-Tabrani**

- i- Mu`jam al-Awsat
- ii- al-Du`a` lil Tabrani,

2- **Ibnu Suni**

- i- Amal al-Yaum wa al-Lailah.

3- **Abu Nu`aim al-Asbahan**

- i- Hulyah al-Auliya` wa Tabaqat al-Asbahan.
- ii- Akhbar al-Asbahan.

4- **Ibnu Sama`un**

- i- Amāliy Ibnu Sama`un

AL-JARH WA AL-TA`DIL

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan pandangan ulama al-Jarh wal al-Ta`dil terhadap ketiga-tiga perawi tersebut, ini adalah kerana sanad hadith yang kita bincangkan hanya melalui jalan mereka bertiga sahaja.

4.1 Kathir bin Sulim

Nama penuh beliau ialah Kathir bin Sulim al-Dobbiy al-Madaini, di kenal dengan gelaran Abu Salamah⁵. Beliau mengambil riwayat daripada Anas bin Malik dan al-Dhahak.

al-Jarh wa al-Ta^cdil

al-Dhahabi memetik pendapat beberapa orang tokoh ulama al-Jarh wa al-ta^cdil sebagaimana berikut⁶ :-

Ulama	Al-Jarh wa al-Ta ^c dil
Ali ibnu Madini	Dha ^c if
Al-Nasaie dan selain beliau	Matruk
Abu Hatim	Dha ^c if Hadith dan beliau meriwayatkan daripada Anas sesuatu yang palsu
Al-Bukhari	Mungkar
Yahya bin Ma ^c in	Tidak di tulis hadithnya

Di dalam menjelaskan hal ini, al-Dhahabi telah mengambil pendapat Imam al-Bukhari dengan menghukumkan Kathir bin Sulim sebagai seorang yang **Dha^cif Hadithnya**⁷. Pengkaji lebih memihak kepada pendapat Abu Hatim didalam masalah riwayat hadith ini, kerana beliau memfokuskan pada sanad sedangkan al-Dhahabi hanya membincangkan pada aspek diri perawi itu sahaja. Sanad Kathir daripada Anas adalah **palsu** pada pandangan Abu Hatim.

4.2 Muawiyah bin Qurah

Nama penuh beliau ialah Muawiyah bin Qurah bin Iyas bin Hilal al-Muzani⁸. Al-Dhahabi memuji beliau dengan mengatakan beliau seorang Imam, Alim, Thabit, Abu Iyas al-Muzani al-Basri, anak kepada Qadi Iyas⁹. Semua ulama berpendapat bahawa beliau seorang yang Thiqah.

Melalui jalan Muawiyah bin Qurah ini masalah pada jalannya bukan terletak pada beliau tetapi pada dua orang perawi selepas beliau yang mengambil hadith melalui jalan beliau iaitu :

1. Zaid al-^cAmi (زيد العمي).
2. Salam al-Tawil (سلام الطويل).

Dalam kes ini kita akan meneliti pandangan ulama al-Jarh wa al-Ta^cdil mengenai mereka berdua yang harus kita bincang secara terperinci dan sangat teliti.

⁵ Dhahabi, *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-^cAlam*, jil 4, hlm 484, no 330, *Mizan al-^cI^ctidal*, jil 3, hlm 405, no 6940. Khatib al-Bagdad, *Tarikh al-Bagdad*, jil 14, hlm 506, no 6905. Ibnu Hajar, *Lisan al-Mizan*, jil 9, hlm 398, no 2291.

⁶ *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-^cAlam*, jil 4, hlm 484, no 330. *Mizan al-^cI^ctidal*, jil 3, hlm 405, no 6940.

⁷ Dhahabi, *al-Kasyah*, jil 2, hlm 144, no 4633.

⁸ Dhahabi, *Sir al-^cAlam al-Nubala`*, jil 5, hlm 153, no 55.

⁹ Ibid.

4.2.1 Zaid al-^cAmi

Nama penuh beliau ialah Zaid bin al-Hawari al-^cAmi, di kenali dengan gelaran Abu al-Hawari al-Basri, merupakan seorang Qadi di Hurrah¹⁰. Beliau masyhur dengan gelaran Zaid al-^cAmi. Beliau meriwayatkan daripada Anas bin Malik, Said bin Musayyad dan beberapa orang lagi. Dan meriwayatkan daripada beliau ialah anaknya ^cAbdul Rahman, Syu^cbah dan Hisham.

al-Dhahabi meringkaskan pandangan ulama mengenai beliau sebagaimana berikut¹¹ :-

Ulama	Al-Jarh wa al-Ta ^c dil
Ibnu Ma ^c in	Dha ^c if dan di tulis hadithnya / beliau tidak berguna
Abu Hatim	Dha ^c if dan di tulis hadithnya
al-Nasaie	Dha ^c if
Al-Darulqutni	Soleh

Di sini pengkaji ini mengemukakan padangan Ibnu Hibban di dalam *Kitab al-Majruhain*, katanya¹² :

“Zaid al-^cAmi, nama sebenarnya Zaid bin al-Hawari, di gelar dengan Abu al-Hawari. Beliau meriwayatkan daripada Anas dan Muawiyah bin Qurah. Mengambil riwayat daripada beliau ialah Syu^cbah dan al-Thauri. Beliau merupakan seorang Qadi di Hurrah. Beliau meriwayatkan daripada Anas bin Malik sesuatu (hadith) yang palsu dan tiada asal baginya “.

Yang mesti kita fahami di sini ialah dua aspek utama di dalam perbincangan iaitu diri Zaid al-^cAmi dan jalan riwayatnya yang sampai kepada Anas bin Malik. Pendapat ulama tentang beliau ialah secara umumnya mengatakan beliau seorang perawi yang **Dha^cif** dan di tulis hadithnya.

Aspek kedua ialah kenyataan Ibnu Hibban mengenai jalan riwayat beliau ialah dengan mengatakan beliau meriwayatkan daripada Anas melalui jalan Muawiyah bin Qurah **hadith yang palsu**.

4.2.2 Salam al-Ṭawil

Nama penuh beliau ialah Salām bin Salam, di panggil juga dengan Ibnu Salim, atau Ibnu Sulaiman dan yang tepat ialah Ibnu Salam al-Tamimin al-Sa^cdi, Abu Sulaiman¹³. Pandangan ulama mengenainya seperti berikut :

Ulama	Al-Jarh wa al-Ta ^c dil
Imam al-Bukhari	Salām bin Salam daripada Zaid al- ^c Ami mesti di tinggalkan (tidak boleh mengambil riwayat)
Abi Hatim	Salam al-Towil Dha ^c if hadith dan perlu di tinggalkan

¹⁰ *Mizan al-Itidal*, jil 2, hlm 102, no 3003.

¹¹ *Ibid*.

¹² Ibnu Hibban, *al-Majruhain Min al-Muhadithin wa al-Dhu^cafa` wa al-Matrukin*, jil 1, hlm 309, no 369.

¹³ Al-Mizzi, *Tahzib al-Kamal fi al-Asma` al-Rijal*, jil 12, hlm 277, no 2654.

Ibnu Hibban	Beliau meriwayatkan daripada perawi yang Thiqat hadith palsu
Khatib al-Bagdad	Matruk hadithnya
al-Nasaie	Matruk hadith
Ibnu Hibban	Beliau meriwayatkan daripada mereka yang thiqat hadith-hadith palsu.

Secara ringkas boleh di simpulkan bahawa riwayat beliau melalui Salam al-Towil daripada Zaid al-^cAmi boleh di simpulkan sebagaimana pendapat Ibnu Jauzi¹⁴ :

“Salām bin Salam, ada juga memanggil dengan Ibnu Sulaiman, atau Ibnu Sālam, Abu^cAbdullah al-Tamimi al-Sa^cdi al-Towil ialah penduduk Kharasan. Beliau mengambil riwayat daripada Zaid al-^cAmi dan Hamid al-Tawil. Kata Yahya bin Ma^cin beliau adalah seorang yang **dha^cif dan tidak ditulis hadithnya** dan pada pendapat beliau yang lain **tidak bergunadan sangat mendha^cifkannya**. Kata Imam Ahmad beliau seorang yang **mungkar hadith**, kata Bukhari dan al-Razi beliau perlu **ditinggalkan** (tidak diambil riwayat), kata ^cAbdul al-Rahman beliau seorang yang **dusta**. Kata al-Nasaie, ^cAli bin Junaidi, al-Azdi dan al-Darqutni beliau seorang yang **matruk** dan kata Ibnu Hibban beliau meriwayatkan daripada perawi yang thiqat hadith-hadith **palsu** “.

Setelah kita meneliti karangan Ibnu Jauzi barulah kita fahami bahawa beliau membuat satu ringkasan pada pendapat beliau tentang hadith ini iaitu dengan mengambil pendapat Ibnu Hibban bahawa Salam al-Towil meriwayatkan daripada perawi yang thiqat hadith palsu.

al-Albani juga menganggap hadith ini adalah palsu pada satu riwayat dan dhaif jiddan pada riwayat yang lain yang akan dibincangkan nanti¹⁵.

4.3 Thabit bin Aslam

Nama beliau ialah Thabit bin Aslam al-Bunani, digelar Abu Muhammad¹⁶. Beliau merupakan seorang yang Thiqah lagi soleh¹⁷.

Melalui jalan beliau ini terdapat tiga orang perawi yang gugur iaitu pada tabaqat (generasi) ke 5, 7 dan 8. Sila rujuk rajah sanad keseluruhan. Hadith dengan jalan beliau ini tidak dapat di kuatkan dengan hadith yang lain kerana kesemua dua jalan terdahulu yang kita bincangkan iaitu jalan Kathir bin Sulim dan Muawiyah bin Qurah juga mengalami masalah pada jalan masing-masing. Melalui jalan ini sudah pasti tidak mencapai syarat-syarat hadith soheh dan hasan kerana gugur 3 perawi pada sanad hadith ini.

¹⁴ Al-Bukhari, Tarikh al-Kabir, jil 4, hlm 133, no 2224, Kitab al-Dhu^cfa`, jil 1, hlm 72, no 156.

¹⁵ Abu Hatim, al-Jarh wa al-Ta^cdil, jil 4, hlm 206, no 1122.

¹⁶ Ibnu Hibban, *al-Majruhin Min al-Muhadithin wa al-Dhu^cafa` wa al-Matrukin*, jil 1, hlm 339, no 428.

¹⁷ Khatib al-Bagdad, Tarikh al-Bagdad, jil 9, hlm 196, no 4474.

HUKUM HADITH

al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai hadith yang sangat Dha'if (Dha'if Jiddan)¹⁸. Manakala pada pandangan pengkaji hadith ini mesti dinilai melalui tiga jalan tersebut sebagaimana berikut:

1- Kathir bin Sulim

Melalui jalan ini ulama telah sepakat menghukum beliau sebagai seorang yang Dha'if di dalam meriwayatkan hadith. Kesepakatan ini adalah terhadap diri beliau bukan pada sanad yang beliau bawa/riwayatkan. Sedangkan Abu Hatim menegaskan sanad Kathir bin Sulim daripada Anas bin Malik adalah merupakan riwayat yang palsu (Mawdhu').

2- Muawiyah bin Qurah.

Pengkaji mengambil pendapat daripada Ibnu Hibban didalam al-Majruhain, bahawa kebanyakan ulama menghukumkan salah seorang perawi Muawiyah bin Qurah iaitu Zaid al-^cAmi sebagai seorang yang Matruk (ditinggalkan Hadithnya), iaitu padangan pada diri, sedangkan Ibnu Hibban menjelaskan pada ambilan riwayat bahawa riwayat Zaid al-^cAmi daripada Muawiyah daripada Anas bin Malik adalah Palsu.

3- Thabit bin Aslam.

Manakala pada jalan ini tidak perlu di bincangkan lagi kerana telah jelas sanad daripada Thabit ini adalah tidak mencukupi syarat hadith soheh dan hasan, juga tidak boleh membantu dua sanad pertama daripada Kathir bin Sulim dan Muawiyah bin Qurah kerana kedua-dua sanad itu adalah palsu dan sanad ketiga terputus dan tidak dikenali perawinya.

KESIMPULAN

Hadith ini bila kita teliti sanadnya maka kita akan mendapati beberapa pandangan ulama mengenai sanad hadith ini sebagaimana berikut :-

- i- Ibnu Hibban mengatakan riwayat tentang hadith ini adalah riwayat yang palsu.
- ii- Ibnu Jauzi menaqakan pendapat ibnu Hibban bahawa hadith ini adalah palsu sanadnya.
- iii- al-Albani telah menghukum palsu salah satu sanad dan menghukum dhaif jiddan pada sanad yang lain.

Pengkaji pula berpengan pada pendapat Ibnu Hibban dan Abu Hatim al-Razi dalam masalah ini setelah menilai keseluruhan sanad dan pandangan ulama mengenai hadith ini. Wallahu^cAlam.

Hukum Hadith: **Mawdhu' (PALSU)**

¹⁸ Ibnu Sa^cdi, Tabaqat al-Kubra, jil 7, hlm 173, no 3141.

RUJUKAN

- al-Tabrani, Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub bin Matir bin al-Lakhami al-Shami, Abu al- Qasim (t.t.), *Muʿjam al-Ausot*, Dar al-Haramai, Tahqiq Toriq bin Audha Allah bin Muhammad, Abdul al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini.
- _____ (1991), *al-Duʿaʿ Lil Tabrani*, Dar al-Kutub al-ʿIlmi, Beyrut. Cet Pertama, Tahqiq Musthafa ʿAbdul al-Qadir ʿAto.
- Ibnu Suni, Ahmad bin Muhammad bin Ishaq bin Ibrahim bin Asbat bin ʿAbdullah bin Ibrahim bin Budaih al-Dinnawari (t.t.), *ʿAmal al-Yaum wa al-Lailah Suluk Nabi maʿ Rabihi Azza Wajala wa Muʿashiratih maʿ al-ʿIbad*, Dar al-Qiblah Lil Thaqafah al-Islamiyyah / Muaʿssah ʿUlum al-Quran, Jiddah / Beyrut, Tahqiq Kuthar al-Barni.
- Abu Nuʿaim, Ahmad bin ʿAbdullah bin Ahmad bin Ishaq bin Musa bin Mahran al-Asbahi (1974), *Hulyah al-Auliya` wa Tabaqat al-Asbahan*, Dar al-Kutub al-ʿIlmi, Beyrut.
- _____ (1976), *Akhbar al-Asbahan*, Dar al-Kutub al-ʿIlmi, Beyrut.
- Ibnu Samaʿun, Ibnu Samaʿun al-Waʿiz; Abu al-Hussin Muhammad bin Ahmad bin Ismail bin ʿAnbas al-Bagdad (2002), *Amāliyy Ibnu Samaʿun*, Dar al-Bashāir al-Islamiah, Beyrut, Tahqiq Dr. ʿAmir Hasan Şobri.
- Dhahabi, Shamsu al-Din Abu ʿAbdullah Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaimaz al-Dhahabi (2003), *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-ʿAlam*, Dar al-Gharbi al-Islami, Tahqiq Dr Bashar ʿAwad maʿruf.
- _____ (1963), *Mizan al-ʿItidal*, Dar al-Maʿrifah li Tabʿah wa al-Nashr, Beyrut, Tahqiq ʿAli Muhammad al-Bajawi.
- _____ (1992), *al-Kasyah fi Maʿrifah Man Lahu Riwayat fi al-Kutub al-Tisʿah*, Dar al-Qiblah li Thaqafah al-Islamiah, Jiddah, Cet Pertama, Tahqiq Muhammad ʿAwamah Ahmad Muhamad Namr al-Khatib.
- Khatib al-Bagdad, Abu Bakar Ahmad bin ʿAli bin Thabit bin Ahmad bin Mahdi (2002), *Tarikh al-Bagdad*, Dar al-Gharbi al-Islami, Tahqiq Dr. Bashar ʿAwad maʿruf.
- Ibnu Hajar, Abu al-fadhil Ahmad bin ʿAli bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar al-Asqolani (2002), *Lisan al-Mizan*, Dar al-Bashair al-Islamiah, Tahqiq ʿAbdul al-Fatah Abu Ghudah.
- Ibnu Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad bin Hibban bin Muʿaz bin Maʿbad, al-Tamimin, Abu Hatim, al-Darimi, al-Basti (1974), *al-Majruhain Min al-Muhadithin wa al-Dhuʿafa` wa al-Matrukin*, Dar al-Waʿie, Halib, Tahqiq Mahmud Ibrahim Zayad.
- Al-Mizzi, Yusuf bin ʿAbdul al-Rahman bin Yusuf ; Abu al-Hajj, Jamal al-Din Ibnu Zaki Abi Muhammad al-Qadhaie al-Kalbi al-Mizzi (1980), *Tahzib al-Kamal fi al-Asma` al-Rijal*, Muaʿsasah al-Risalah, Beyrut, Tahqiq Dr. Bashar ʿAwad maʿruf.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin al-Mughirah al-Bukhari; Abu ʿAbdullah (t.t.), *Tarikh al-Kabir*, Dairah al-Maʿrif al-ʿUthmaniah, Haidar Abad, al-Dakan.
- _____ (2005), *Kitab al-Dhuʿafa`*, Maktabah Ibnu Abbas, Tahqiq Abu ʿAbdullah Ahmad bin Ibrahim bin Abi al-ʿAini.
- Abu Hatim, Abu Muhammad ʿAbdul al-Rahman bin Muhammad bin Idris bin al-Manzir al-Tamimi al-Hanzoli al-Razi (1952), *al-Jarh wa al-Taʿdil*, Dar Ihya` al-Thurath al-ʿArabi, Beyrut dan Dairah al-Maʿrif al-ʿUthmaniah, Haidar Abad, al-Dakan.
- Ibnu Saʿdi, Abu ʿAbdullah Muhammad bin Saʿdi bin Maniʿ al-Hāshimi bi al-Walai` al-Basri al-Bagdad (1990), *Tabaqat al-Kubra*, Dar al-Kutub al-ʿIlmi, Beyrut, Tahqiq Muhammad ʿAbdul al-Qadir ʿAto`.
- Al-ʿAjili, Abu al-Hasan Ahmad bin ʿAbdullah bin Soleh al-ʿAjili al-Kufi (1984), *Tarikh al-Thiqat*, Dar al-Baz.

Al-Albani, Abu °Abdul al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin al-Hajj Nuh bin Najati bin Adam al-Ashqudi al-Albani (1992), *Silsilah al-Ahādith al-Ḍha°if ah*, Dar al-Ma°arif, al-Riyadh, Cet Pertama.